



13 NOV, 2020

## 19 jenis barang dikawal SHMMP Deepavali tahun ini

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



**PANTAU:** Pasukan KPDNHEP Cawangan Sarikei sedang melakukan pemeriksaan SHMMP Deepavali di beberapa lokasi sekitar Sarikei, semalam.

## 19 jenis barang dikawal SHMMP Deepavali tahun ini

**SARIKEI:** Sebanyak 19 jenis barang telah ditentukan harga maksimum bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali pada tahun ini.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarikei Mohamad Zawawi berkata, SHMMP Deepavali 2020 bermula 9 hingga 17 November ini iaitu selama sembilan hari.

“Antara senarai barangan harga terkawal pada harga runcit bagi SHMMP Deepavali pada tahun ini adalah ayam hidup RM7.80 satu kilogram (kg), ayam standard (RM9/kg), ayam super (RM9.50/kg), daging kambing import bertulang dan biri-biri import bertulang (RM31/kg), telur ayam Gred A (RM0.39 sebijil), telur ayam Gred B (RM0.38 sebijil), telur Ayam Gred C (RM0.37 sebijil), tomato (RM7/kg), kubis bulat import (RM4/kg), kelapa biji (peringkat pemborong sahaja) RM1.30 sebijil, kelapa parut (peruncit) RM5/kg, bendi (RM8/kg), kacang panjang (RM7/kg), timun (RM4/kg), cili kering (RM17/kg), bawang merah kecil (RM6.50/kg), bawang merah import (RM5.50/kg), ubi kentang China (RM2.50/kg) dan kacang dal Australia (RM3/kg).

“Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah Seksyen 21,

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga barangan bagi mengaut keuntungan yang tidak munasabah,” kata Mohamad dalam kenyataan media di sini, semalam.

Menurut Mohamad, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan skim ini di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

Katanya, bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

“Bagi syarikat pula, ia boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

“Untuk kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal pula, individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000 manakala syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

“Pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Sarikei akan sentiasa berada di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan

orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani, pasar raya dan kedai runcit untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan termasuk di kawasan bandar dan luar bandar,” tegas Mohamad.

Langkah-langkah ini katanya, mencerminkan usaha berterusan bagi melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan.

“Pihak kita turut memperingatkan pemantauan harga melalui pegawai pemantau harga yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh bahagian Sarikei.

“Sekiranya didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkaitan dengan skim ini, aduan boleh disalurkan kepada kementerian melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau portal e-aduan kpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau melalui WhatsApp 019-2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat kementerian yang berhampiran supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

“Bilik gerakan Enforcement Command Centre (ECC) KPDNHEP Sarikei dibuka dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang setiap hari dan boleh dihubungi untuk menyalurkan apa-apa aduan di talian 084-657751,” tegas Mohamad.



13 NOV, 2020

## 19 jenis barang dikawal SHMMP Deepavali tahun ini

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PANTAU:Pasukan KPDNHEPCawangan Sarikei sedang melakukan pemeriksaan SHMMP Deepavali di beberapa lokasi sekitar Sarikei, semalam.

SARIKEI: Sebanyak 19 jenis barang telah ditentukan harga maksimum bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali pada tahun ini. K e t u a C a w a n g an Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarikei Mohamad Zawawi berkata, SHMMP Deepavali 2020 bermula 9 hingga 17 November ini iaitu selama sembilan hari.